

Kejar kemajuan:

Oleh Mahfar Ali

JOHOR BAHRU, Isnin — Malaysia perlu mengejar kemajuan untuk mengelakkan pergantungan kepada negara-negara maju yang akhirnya memaksa negara ini mengikut telunjuk mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, negara-negara maju tidak mungkin menjadikan Malaysia tanah jajahan sekali lagi tetapi jika Malaysia mundur, mereka secara tidak langsung boleh berbuat demikian dengan menyekat pertumbuhan negara sehingga negara dihina.

Melancarkan majlis Penghayatan Wawasan 2020 peringkat negeri Johor di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata, rakyat tidak boleh herpuas hati pencapaian negara sekarang, sebaliknya perlu terus berusaha supaya negara tidak ketinggalan.

"Kita perlu menjadi negara maju bagi mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara serta mengelak ditekan atau dihina negara lain.

"Jika kita tidak berusaha untuk maju, kita akan tertinggal dan akan menghadapi nasib tidak baik, mungkin ditekan oleh negara-negara maju yang tidak mahu melihat kita hidup aman dan sempurna.

"Mereka tidak mungkin jadikan kita tanah jajahan semula tetapi secara tidak langsung mereka boleh berbuat demikian dengan menyekat pertumbuhan...." katanya.

Dr Mahathir berkata, semua pihak perlu sedar dengan apa yang berlaku di beberapa negara yang walaupun sudah merdeka tetapi ditekan oleh negara maju sehingga menuruti telunjuk negara maju.

"Ini kerana negara berkenaan terpaksa meminta bantuan negara maju kerana mereka tidak maju dan akhirnya negara maju menekan mereka sehingga tidak boleh berbuat apa-apa dan hanya mengikut telunjuk," katanya.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat serta isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dalam ucapan lebih setengah jam itu, Perdana Menteri berkata, Malay-

sia hari ini agak bebas sedikit dalam mengutarakan pendapat dengan lantang kerana negara tidak bergantung kepada bantuan dan sokongan pihak lain.

"Keadaan ini amat penting bagi kita sebab ia bermakna kita mempertahankan maruah. Apa guna jadi negara merdeka jika terpaksa tunduk kepada telunjuk orang lain," tanya beliau.

Dr Mahathir juga gembira kerana kerajaan negeri yang diperintah Barisan Nasional (BN) mengambil perhatian berat terhadap gagasan itu dan yakin negeri terbabit akan dapat mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Bagi Kerajaan Pusat, kita akan memberi kerjasama sepenuhnya dan inilah kebaikan jika kerajaan negeri dan Pusat dipimpin oleh parti yang sama," katanya.

Beliau berharap semua pihak akan mengambil tindakan tersusun bagi mencapai Wawasan 2020 kerana arah serta matlamat gagasan itu sudah ditentukan.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia mahu menjadi negara maju yang berpegang kuat terhadap nilai mulia serta mempunyai rakyat serba boleh dalam semua bidang, termasuk teknologi, ilmu dan pengurusan.

"Tidak mustahil kita boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara maju kerana sekarang ini pun kita sudah membuktikan kemampuan kita dalam pelbagai bidang yang sebelum ini kita tidak terfikir boleh melakukannya.

"Di zaman ekonomi dunia meleset juga kita mampu meningkatkan ekonomi negara kerana kita sedar mengenai tanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, generasi muda juga perlu berusaha dan diberi penjelasan mengenai gagasan itu sejak di bangku sekolah lagi kerana golongan berkenaan akan mewarisi pemimpin sekarang.

"Ibu bapa, guru dan masyarakat perlu mendidik anak-anak dan memastikan pelajar tidak terbabit dalam gejala tidak sihat, seperti penyalahgunaan dadah," katanya.

PM